

MUKADIMAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT,
PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA
DATO SERI SETIA (DR) HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI
SELAKU
PENGERUSI JAWATANKUASA KEBANGSAAN
SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-73 TAHUN BAGI TAHUN 2019**

**MESYUARAT PERTAMA
JAWATANKUASA KEBANGSAAN
SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-73 TAHUN BAGI TAHUN 2019**

**PADA HARI ISNIN,
25 REJAB 1440 BERSAMAAN 1 APRIL 2019**

**BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI,
JALAN PERDANA MENTERI, BANDAR SERI BEGAWAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله ربّ العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين
والصّلاة والسّلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيّدنا محمّد وعلى آله
وصحبه أجمعين

السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Amat Mulia,

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya
Negara Pengiran Haji Abu Bakar,
Yang Di-Pertua Adat Istadat Negara;

Yang Amat Mulia,

Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana
Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan
Pengiran Haji Abu Bakar,
Grand Chamberlain;

Yang Dimuliakan,

Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md
Said;

Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia,

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;

Yang Mulia,

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Pehin-Pehin dan Yang Mulia Dato-Dato;

Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Pegawai-Pegawai dan Pemangku Pegawai-Pegawai Daerah, Pegawai-Pegawai Eksekutif dari sektor swasta serta Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas rahmat dan taufik-Nya jua mengizinkan kita hadir selaku Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 tahun bagi Tahun 2019 di Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada pagi ini.
2. Peramba/kaola/saya sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Pehin-Pehin, Dato-Dato (Datin) dan Tuan-Tuan (Puan) kerana dapat hadir pada Mesyuarat Kali Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 tahun bagi Tahun 2019 pada pagi ini. Ini jelas mencerminkan perhatian dan komitmen semua terhadap Jawatankuasa Kebangsaan bagi bersama-sama berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan dan mengungkhayahkan persediaan-persediaan dan persiapan-persiapan bagi menyemarakkan, memeriahkan dan membisaikan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 73 pada tahun ini.
3. Inshaa Allah, seluruh rakyat dan penduduk di Negara ini akan berpeluang mengungkhayahkan, menyertai dan meraikannya sambutan ini menerusi acara-acara yang akan dilaksanakan. Sebenarnya adalah wajar bagi seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk bersama-sama menyambut Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussala ke-73 tahun ini dan bersyukur kehadiran Allah SubbhanahuWa Ta'ala keatas limpah rahmat dan ni'matNya yang menjadikan Negara ini di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keamanan dan ketenteraman serta keharmonian dan kesejahteraan yang telah dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduknya. Demikian juga penyertaan seluruh rakyat dan penduduk negara ini dalam acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda ini adalah semata-mata pada menzahirkan taat setia rakyat dan penduduk negara ini.

4. Dalam kesempatan ini, peramba/kaola/saya menyembahkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria, dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dan Yang Dimuliakan Pehin-Pehin, Dato-Dato (Datin-Datin) dan Tuan-Tuan (Puan-Puan) di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-73 Tahun.
5. Peramba/kaola/ saya dan juga bagi mewakili semua Ahli Jawatankuasa Kebangsaan dengan penuh hormat serta takzimnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia perkenan perlantikan tersebut.
6. Dalam hubungan ini, peramba/kaola/saya sukacita juga menyembahkan dan memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga melimpahkan kurnia perkenan bagi perlantikan Penaung-Penaung dan Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-73 iaitu:

a. Penaung-Penaung :

- i. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan
- ii. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

b. Penasihat

Yang Amat Mulia,
Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak
Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara
Pengiran Haji Abu Bakar.

7. Adalah diharapkan supaya Jawatankuasa Kebangsaan ini dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Peringkat Daerah, Jawatankuasa-Jawatankuasa dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang akan dibentuk untuk dapat berusaha dengan gigih bagi merancang supaya semua acara-acara akan dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

8. Adalah amat mustahak supaya Jawatankuasa-Jawatankuasa akan dapat mempelajari pelaksanaan acara-acara pada tahun 2018 dan tahun-tahun sebelumnya, mengenalpasti akan kelemahan-kelemahan, kekurangan-kekurangan serta kesilapan-kesilapan supaya kekurangan dan kesilapan tidak akan berlaku lagi tahun ini. Adalah amat penting untuk Jawatankuasa-Jawatankuasa meneliti dengan sebaik-baiknya tergunan, pandangan dan nasihat-nasihat yang diberikan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan demi membisaikan lagi mutu atau kualiti rancangan-rancangan yang akan diungkayahkan.
9. Sehubungan dengan ini juga, adalah perlu dan wajar bagi Jawatankuasa meneliti komposisi keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa supaya mereka yang dilantik akan benar-benar dapat memberikan sumbangan yang bermakna dan memikul tugas dengan penuh tanggung jawab dan komitmen. Adalah disarankan supaya Jawatankuasa akan dapat pula meresapkan lantikan belia-belia menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa berkenaan supaya mereka akan berpeluang mencetuskan idea-idea baru disamping berperanan untuk menjadi pelapis akan datang.
10. Peramba/kaola/saya penuh berharap dan mengalu-alukan supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa Tadbir Tertinggi diperingkat daerah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja akan terus memberikan kerjasama, khidmat bakti, komitmen serta buah fikiran dalam kita bersama-sama membuat persediaan awal bagi memastikan kelancaran, kemeriahan dan kesempurnaan acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 pada tahun ini terutama sekali acara-acara di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat daerah-daerah khususnya Keberangkatan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di keempat-empat daerah berjalan dengan baik dan teratur dan sempurna.

11. Dalam hal ini, apa yang juga diharapkan supaya acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-73 Tahun ini akan dapat memperlihatkan pendekatan-pendekatan yang baru dengan pembaharuan dan pembaikan sebagai nilai tambah dan mewalihkan lagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan yang boleh menarik penyertaan dan penglibatan semua lapisan masyarakat, dengan konsep dan format yang berlainan yang akan menjadi ristaan, dengan penyertaan berbagai pihak, peringkat dan lapisan rakyat, masyarakat dan kaum yang mewakili mukim dan kampung, pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut sekolah serta institusi-institusi pendidikan, persatuan-persatuan belia, pertubuhan-pertubuhan awam dan bukan awam, syarikat-syarikat swasta, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

12. Alhamdulillah, pada Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Tahun pada tahun lepas telah dapat diungkayahkan dengan jayanya berkat sokongan, kerjasama dan komitmen semua ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa-Jawatankuasa Tadbir Tertinggi di Peringkat Daerah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang telah dibentuk.

13. Peramba/kaola/saya sukacita menyembahkan dan mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama, sokongan dan dokongan yang diberikan tersebut, secara langsung atau tidak langsung atas penglibatan semua dalam perkara ini.

14. Bagi mesyuarat kita pada hari ini, Peramba/kaola/saya mengambil maklum bahawa pihak Urusetia telahpun menyediakan kertaskerja perbincangan bagi cadangan tarikh-tarikh Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini dengan berpandu kepada acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun-tahun sebelum ini. Begitulah juga cadangan bagi ketetapan tarikh-tarikh bagi pelaksanaan acara-acara utama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini.

15. Dalam pada itu, seperti yang dimaklumi, Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 tahun bagi Tahun 2018 telahpun mengadakan mesyuarat 'post-mortem' bagi meneliti semula dan mengenalpasti akan sebarang perkara-perkara dan isu-isu serta sebarang permasalahan ataupun kekurangan dalam pengendalian setiap acara yang telah diungkayahkan.

16. Akhirnya, peramba/kaola/saya sekali lagi dengan sukacitanya menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan dan mengharapkan sumbangan, pandangan, buah fikiran dan nasihat dalam merancang dan mengungkayahkan serta menyempurnakan Majlis-Majlis dan acara-acara semasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 Tahun pada tahun ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

